

LAPORAN TAHUNAN BERAKHIR 31 OKTOBER 2023



ASDI

إمانه سهام دار الإيمان

Amanah Saham Darul Iman
PELABURAN BERTERASKAN SYARIAH



HAK KITA • NIKMATI BERSAMA

KANDUNGAN

Maklumat Tabung	2
Prestasi Tabung	3
Laporan Pengurus	5
Penyata Pengurus	12
Penyata Jawatankuasa Syariah	13
Laporan Pemegang Amanah	14
Laporan juruaudit bebas kepada pemegang-pemegang unit Amanah Saham Darul Iman	15
Penyata kedudukan kewangan	19
Penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain	20
Penyata perubahan dalam nilai aset bersih	21
Penyata aliran tunai	22
Nota-nota kepada penyata kewangan	23
Maklumat Korporat	47
Pemberitahuan Berhubung Pengeluaran Prospektus Tambahan Pertama dan Surat Ikatan Tambahan Kelima Amanah Saham Darul Iman	49



►► **MAKLUMAT TABUNG**

Nama Tabung

Amanah Saham Darul Iman (ASDI).

Jenis Tabung

Tabung pendapatan dan pertumbuhan modal.

Kategori Tabung

Tabung ekuiti berteraskan syariah.

Objektif Pelaburan Tabung

Objektif pelaburan Tabung mestilah bermatlamat untuk memberi pemegang-pemegang unit suatu tahap pendapatan yang menarik dan berterusan, serta peningkatan modal menerusi pelaburan berisiko munasabah yang dilaksanakan mengikut Surat ikatan, Garis Panduan, Akta dan undang-undang sekuriti di dalam sekuriti-sekuriti di pasaran tempatan dan asing yang memenuhi prinsip-prinsip Syariah.

Tanda Aras Prestasi Tabung

Indeks FBM EMAS Shariah Bursa Malaysia (FBM Shariah) dipilih sebagai penanda aras bagi ASDI memandangkan ia adalah indeks pewajaran permodalan saham-saham patuh Syariah di Bursa Malaysia.

Polisi Pengagihan Pendapatan

Pada akhir setiap Jangka Masa Terakru Tabung, pengagihan pendapatan (jika ada) diagih dalam bentuk tunai dan/atau mewujudkan unit-unit tambahan (jika ada).

Statistik Pemegang Unit Pada 31 Okt 2023

Jumlah pemegang unit adalah sebanyak 20,023 dengan pemegang unit individu seramai 19,911 orang manakala bakinya 112 adalah pelabur institusi. Penyertaan pemegang unit mengikut klasifikasi saiz pegangan adalah seperti berikut:-

Klasifikasi Saiz Pegangan Unit	Bilangan Pemegang Unit	Peratus (%) Pemegang Unit	Jumlah Unit (Juta)
5,000 dan ke bawah	17,758	88.69	16.40
5,001 – 10,000	1,127	5.63	8.05
10,001 – 50,000	1,051	5.25	19.25
50,001 – 500,000	78	0.39	9.73
500,001 dan ke atas	9	0.04	434.55
Jumlah	20,023	100.00	487.98

Nota : Unit tidak termasuk stok yang dipegang oleh Pengurus berjumlah 88,610 unit.



►► PRESTASI TABUNG

Maklumat portfolio bagi 3 tahun kewangan berakhir pada 31 Okt

Sektor	2023	2022	2021
Peratus atas nilai aset bersih			
Pelaburan dalam pasaran ekuiti			
Pembinaan	12.19	16.47	15.65
Telekomunikasi & Media	10.90	12.65	12.73
Utiliti	9.49	8.53	12.10
Barangan Pengguna & Perkhidmatan	7.88	9.28	12.98
Hartanah	6.81	5.68	7.30
Tenaga	6.08	5.90	6.19
Perkhidmatan Kewangan	5.18	3.91	2.46
REIT	4.58	4.82	3.37
Pengangkutan & Logistik	4.31	3.08	1.57
Barangan Industri & Perkhidmatan	2.00	3.63	3.49
Teknologi	1.80	4.25	3.02
Perladangan	1.68	5.15	4.11
Penjagaan Kesihatan	1.66	2.10	1.02
Tunai	25.44	14.55	14.00
Jumlah	100.00	100.00	100.00

Lain-lain maklumat prestasi pada 31 Okt

Nilai Aset Bersih (NAB) dan Unit Dalam Pendedaran

	2023	2022	2021
Jumlah NAB (RM'000)	112,063	102,888	116,999
Unit Dalam Pendedaran ('000)	488,071	487,546	487,477
NAB seunit (RM)	0.2296	0.2110	0.2400
NAB seunit Tertinggi (RM)	0.2386	0.2370	0.2645
NAB seunit Terendah (RM)	0.2075	0.2110	0.2241
Nisbah Jumlah Perbelanjaan (NJP) (%)	1.79	1.83	1.83
Pusing Ganti Portfolio (PGP) (kali)	0.23	0.27	0.34

NJP pada tahun kewangan semasa adalah 1.79% berbanding 1.83% pada tahun 2022.

PGP tahun kewangan semasa menurun sebanyak 14.8% berbanding tahun kewangan sebelumnya disebabkan pengurangan aktiviti belian dan jualan saham masing-masing sebanyak 36.8% dan 15.5%.



Jumlah Pulangan Bagi Tahun Berakhir 31 Okt

	2023	2022	2021
Jumlah Pulangan Dalam Tahun (%)	11.19	(7.50)	11.55
Pertumbuhan Modal	8.82	(12.08)	7.09
Pengagihan Pendapatan	2.37	4.58	4.46
Pengagihan Pendapatan Seunit (sen)			
Kasar	0.50	1.10	1.00
Bersih	0.50	1.10	1.00
Tarikh pengagihan (akhir)	20 Dis 2023	20 Dis 2022	20 Dis 2021

Kesan Pengagihan ke atas NAB bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Okt 2023

	Sen/unit
Nilai Aset Bersih Sebelum Pengagihan Pendapatan	23.46
Tolak: Pengagihan Pendapatan 0.50 sen	0.50
Nilai Aset Bersih Selepas Pengagihan Pendapatan	22.96

	1-tahun	3-tahun	5-tahun
Purata Pulangan Tahunan (%)	11.19	5.08	2.06

	2023	2022	2021	2020	2019
Jumlah Pulangan Tahunan untuk 5 Tahun Kewangan Terakhir (%)	11.19	(7.50)	11.55	(11.52)	6.58

Pencapaian tabung masa lalu bukan menjadi petunjuk atau gambaran pencapaiannya pada masa hadapan.

Harga-harga unit dan pulangan pelaburan boleh berubah-ubah sama ada naik ataupun turun.

Nota:**1) Kaedah Pengiraan Pulangan**

- Jumlah Pulangan : $\text{Pertumbuhan Modal} + \text{Pulangan Pendapatan}$
 - Pertumbuhan Modal : $(\text{NAB seunit akhir} / \text{NAB seunit awal}) - 1$
 - Pendapatan : $\text{Pengagihan pendapatan seunit} / \text{NAB seunit awal}$
- * NAB seunit adalah selepas pengagihan

2) Purata Pulangan Pertumbuhan

Purata pulangan tahunan ialah jumlah pulangan dibahagi dengan bilangan tahun yang dikehendaki.



► LAPORAN PENGURUS

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Pemegang-pemegang unit yang dihormati,

PTB Unit Trust Berhad (PUTB) selaku pengurus Amanah Saham Darul Iman (ASDI), dengan sukacitanya membentangkan Laporan Pengurus bagi tahun kewangan 2023 bermula 1 Nov 2022 sehingga 31 Okt 2023.

Dalam tahun kewangan ini, ASDI telah mencatat prestasi yang lebih baik iaitu mencatat pertumbuhan positif 11.19% berbanding -7.5% pada tahun kewangan yang lalu. Alhamdulillah prestasi ini dapat dicapai sungguhpun persekitaran pasaran saham masih kurang memberangsangkan dengan pertumbuhan yang perlahan di sepanjang tempoh yang dilaporkan.

ASDI juga mampu memenuhi kedua-dua objektif tabung iaitu bagi membuat pengagihan pendapatan yang berterusan kepada pemegang-pemegang unit dan mencatat pertumbuhan modal yang positif sepanjang tempoh pelaporan. Prestasi 11.19% (jumlah pulangan dalam tahun) yang dicatat adalah gabungan antara pengagihan pendapatan sebanyak 2.37% dan pertumbuhan modal 8.82%. Prestasi ini adalah lebih baik berbanding penanda aras tabung (FBM Shariah) yang mencatat pertumbuhan 4.13% bagi tempoh yang sama.

Kadar agihan pendapatan untuk tahun kewangan ini ialah 0.5 sen seunit atau 2.37% (berasaskan harga pada awal tahun kewangan ini). Kadar ini adalah lebih rendah berbanding tahun kewangan yang lepas disebabkan tindakan perlu bagi menyusun semula portfolio pelaburan dana yang bermula pada tahun kewangan ini. Pengagihan pendapatan akan dibayar dalam bentuk tunai kepada semua pemegang-pemegang unit berdaftar pada 31 Okt 2023.

PRESTASI ASDI

Ulasan Pencapaian

	Nilai	31 Okt 2023	31 Okt 2022	Perubahan (RM)/Unit	Perubahan (%)
NAB ASDI sebelum agihan	(RM juta)	114.50	108.25	6.25	5.77
NAB seunit sebelum agihan	(RM)	0.2346	0.2220	0.01	5.68
Agihan pendapatan	(RM juta)	2.44	5.36	(2.92)	(54.48)
NAB ASDI selepas agihan	(RM juta)	112.06	102.89	9.17	8.91
NAB seunit selepas agihan	(RM)	0.2296	0.2110	0.02	8.82
Unit dalam edaran	(juta unit)	488.071	487.546	0.53	0.11
Penanda aras:					
FBM Shariah	(mata)	10,841.59	10,411.11	430.48	4.13



Pada awal tahun kewangan ini, Nilai Aset Bersih (NAB) ASDI pada harga pasaran adalah RM102.89 juta bersamaan RM0.2110 seunit. NAB ASDI (selepas pengagihan) pada 31 Okt 2023 adalah RM112.06 juta bersamaan RM0.2296 seunit. Ini menunjukkan NAB tabung telah meningkat sebanyak RM9.17 juta atau 8.91% sementara NAB seunit pula meningkat 0.02 sen seunit atau 8.82% berbanding NAB seunit pada 31 Okt 2022.


Sementara itu, jumlah pulangan berasaskan NAB seunit (termasuk pengagihan) untuk tahun kewangan 2023 ialah 11.19% iaitu peningkatan NAB seunit sebanyak 8.82% dan pengagihan pendapatan sebanyak 2.37%.

NAB seunit ASDI tertinggi bagi tempoh yang dilaporkan ialah RM0.2386 seunit yang dicatat pada 12 Okt 2023. Sementara NAB seunit terendah ialah RM0.2075 seunit dicatat pada 3 Nov 2022.

Prestasi ASDI Berbanding Penanda Aras

Prestasi peratus pulangan ASDI berbanding penanda aras (FBM Shariah) untuk jangka masa lima (5) tahun dari 1 Nov 2018 hingga 31 Okt 2023 adalah sebagaimana graf berikut:-

**Prestasi ASDI Berbanding Penanda Aras
Dari 1 Nov 2018 hingga 31 Okt 2023**



Portfolio Pelaburan

Pendedahan ekuiti dalam keseluruhan NAB ASDI pada 31 Okt 2023 adalah 74.56% berbanding dengan 85.45% pada 31 Okt 2022.

Sektor	Pelaburan Semasa (pada nilai pasaran)			
	31 Okt 2023		31 Okt 2022	
	RM (juta)	%	RM (juta)	%
Pembinaan	13.66	12.19	16.94	16.47
Telekomunikasi & Media	12.22	10.90	13.02	12.65
Utiliti	10.64	9.49	8.77	8.53
Barangan Pengguna & Perkhidmatan	8.33	7.88	9.55	9.28
Hartanah	7.63	6.81	5.85	5.68
Tenaga	6.81	6.08	6.07	5.90
Perkhidmatan Kewangan	5.80	5.18	4.02	3.91
REIT	5.13	4.58	4.96	4.82
Pengangkutan & Logistik	4.83	4.31	3.17	3.08
Barangan Industri & Perkhidmatan	2.24	2.00	3.74	3.63
Teknologi	2.01	1.80	4.37	4.25
Perladangan	1.88	1.68	5.29	5.15
Penjagaan Kesihatan	1.86	1.66	2.16	2.10
Tunai	28.50	25.44	14.98	14.55
JUMLAH	112.06	100.00	102.89	100.00

Pendapatan, Perbelanjaan dan Pendapatan Komprehensif

Bagi tempoh tahun kewangan berakhir 31 Okt 2023, ASDI telah merealisasikan pendapatan sebanyak RM4.63 juta. Sejumlah RM5.11 juta adalah keuntungan dividen saham tersiarharga, -RM0.90 juta adalah dari kerugian jualan saham dan RM0.42 juta dari keuntungan pelaburan pasaran wang dan lain-lain pendapatan.

Selepas mengambilkira keuntungan belum direalisasikan daripada perbezaan nilai saksama pelaburan FVTPL berjumlah RM8.84 juta, jumlah pendapatan bagi tempoh yang dilaporkan adalah RM13.47 juta.

Setelah ditolak perbelanjaan mengurus dan peruntukan cukai yang kesemuanya berjumlah RM1.96 juta, jumlah pendapatan komprehensif bersih selepas cukai ialah RM11.51 juta.

Ringkasan maklumat pendapatan komprehensif ASDI adalah seperti berikut:

	31 Okt 2023 RM (juta)	31 Okt 2022 RM (juta)	Sisihan RM (juta)	Sisihan (%)
Keuntungan direalisasi	2.67	5.39	(2.72)	(50.46)
Keuntungan/(kerugian) belum direalisasi	8.84	(14.15)	22.99	>100
Pendapatan/(kerugian) komprehensif selepas cukai	11.51	(8.76)	20.27	>100

Pengagihan Pendapatan

Berdasarkan pendapatan direalisasikan tabung pada tahun kewangan ini, Pengurus akan membuat pengagihan bersih sebanyak 0.5 sen seunit berjumlah RM2.44 juta dalam bentuk tunai kepada semua pemegang unit berdaftar pada 31 Okt 2023. Selepas pengagihan bersih 0.5 sen seunit, NAB ASDI akan berkurang kepada RM0.2296.

Semenjak dilancarkan pada tahun 1994, pemegang-pemegang unit yang melabur telah menikmati 24 kali (termasuk tahun ini) pengagihan pendapatan kasar berjumlah 93.39 sen seunit. Ini bersamaan purata 3.89 sen seunit.

PRESTASI BURSA MALAYSIA

Sepanjang tempoh masa setahun yang dilaporkan, Indeks FBM Shariah telah mencatat peningkatan sebanyak 430.48 mata atau 4.13% dari paras 11,411.11 mata pada 1 Nov 2022 ke paras 10,841.59 mata pada 31 Okt 2023. Keadaan ini menunjukkan peningkatan yang ketara berbanding penurunan sebanyak 2,180.48 mata atau -17.32% yang dicatat dalam tempoh yang sama tahun lepas. Dalam tempoh laporan ini, Indeks FBM Shariah telah mencatat paras tertinggi harian 11,199.86 mata pada 30 Jan 2023 sementara paras terendah harian 10,158.55 mata dicatat pada 3 Nov 2022.

Pergerakan Sukuan Indeks FBM Shariah

Suku	Mula	Tinggi	Rendah	Penutup	Perubahan	+ / (-) %
Pertama (Nov 22 – Jan 23)	10,411.11	11,199.86	10,158.55	11,076.20	665.09	6.39
Kedua (Feb 23 – Apr 23)	11,126.26	11,231.15	10,436.24	10,736.79	(389.47)	(3.50)
Ketiga (Mei 23 – Jul 23)	10,740.26	10,988.86	10,373.94	10,952.72	212.46	1.98
Keempat (Ogo 23 – Okt 23)	10,941.21	11,045.89	10,747.66	10,841.59	(99.62)	(0.91)
Perubahan dalam tempoh 1 Nov 2022 sehingga 31 Okt 2023					430.48	4.13



PROSPEK

Pembentangan Belanjawan 2024 pada 13 Okt 2023 menyaksikan defisit fiskal 2024 diunjurkan berkurang kepada 4.3% berbanding 5.0% sasaran pada tahun ini dan 5.6% pada 2022. Unjuran yang lebih rendah ini memberi isyarat kepada perjalanan yang berterusan menuju konsolidasi fiskal negara.

Dalam pada itu, Malaysia mencatat Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada kadar 3.3% bagi suku ketiga 2023 (suku pertama 2023: 5.6%, suku kedua 2023: 2.9%), lebih perlahan berbanding 14.2% bagi tempoh yang sama 2022. Bagi tempoh tiga suku pertama 2023, ekonomi Malaysia berkembang 3.93% dan dijangka merekodkan pertumbuhan melebihi 4% pada tahun 2023.

Meninjau ke tahun 2024, daya tahan ekonomi Malaysia akan terus diuji terhadap sejauh mana negara mampu menyesuaikan diri dengan perubahan landskap ekonomi yang berpunca daripada perkembangan dalam dan luar negara.

Begitu juga dengan jangkaan keadaan di pasaran Bursa Malaysia. Secara umumnya sentimen pasaran untuk tahun 2024 dijangka adalah lebih positif. Antaranya ialah jangkaan aliran keluar dana asing dari pasaran tempatan dengan jumlah yang lebih kecil atau berkemungkinan mencatat aliran bersih positif. Nilai Ringgit Malaysia pula diunjurkan mengukuh pada tahun hadapan juga dijangka mampu menarik penyertaan dana asing. Keadaan pasaran turut dijangka akan lebih positif sekiranya prestasi kewangan syarikat-syarikat yang lebih baik berjaya dicapai dalam pelaporan seterusnya.

Sungguhpun begitu, pasaran masih terdedah kepada pengaruh faktor-faktor luaran seperti perubahan dasar fiskal Amerika Syarikat, pertumbuhan ekonomi global yang lebih perlahan, penurunan harga komoditi, pemulihan ekonomi China yang perlahan dan risiko geopolitik global. Seiring dengan risiko yang dihadapi dalam prospek ekonomi dalam dan luar negara tersebut, pasaran saham tempatan dijangka diniagakan dengan lebih waspada menjerus kepada pembelian jangka pendek.

Berdasarkan keadaan ini, Pengurus telah mengambil langkah perlu untuk menyusun semula portfolio pelaburan tabung. Tindakan ini telah dimulakan pada tahun kewangan 2023 dan dirancang dengan tindakan yang lebih menyeluruh pada tahun kewangan 2024. Langkah ini bertujuan untuk membentuk semula portfolio pelaburan tabung agar mampu berkembang pada kadar yang lebih baik seiring dengan jangkaan pasaran. Pengurus juga akan terus melaksanakan tindakan perlu bagi mengadaptasi pendekatan pelaburan yang bersesuaian dengan momentum pergerakan turun-naik pasaran saham pada tahun 2024.

POLISI TABUNG

Polisi dan Strategi Pelaburan

Polisi pelaburan ialah untuk melaksanakan satu pelan tindakan pelaburan di dalam portfolio yang mengandungi kepelbagaian sekuriti ekuiti tersenarai dan tidak tersenarai dan instrumen pasaran wang berlandaskan prinsip-prinsip syariah. Ini bertujuan untuk memberikan gabungan pulangan yang optimum daripada pelaburan ekuiti, dividen syarikat, dividen daripada pasaran wang serta peningkatan nilai aset dana.

Strategi pelaburan akan berpandu kepada objektif pelaburan dengan mengambil kira keadaan ekonomi dan politik serta perkembangan di dalam dan di luar negara yang mempengaruhi prestasi pasaran ekuiti, di samping melibatkan analisa risiko. Dalam membuat pemilihan saham, penelitian akan diberikan kepada prospek pertumbuhan pendapatan, kekukuhan kewangan syarikat, nilai aset bersih, pegangan tunai, pulangan dividen serta pengurusan yang berwibawa.

Secara keseluruhannya, strategi pelaburan yang dilaksanakan mensasarkan pulangan untuk jangka masa sederhana hingga jangka masa panjang bagi tempoh di antara 3 – 5 tahun. Pengadunan strategi pelaburan akan mengambil kira Garis Panduan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Polisi Berkenaan Rebet dan Komisen

Sebarang rebet atau diskaun ke atas yuran pembrokeran (sekiranya ada) akan diserahkan semula kepada tabung ASDI dan digunakan untuk mengurangkan kos pelaburan.

Dalam tempoh kewangan bawah kajian, ASDI tidak menerima sebarang komisen ringan. Pengurus hanya menikmati manfaat tidak langsung broker berupa bahan-bahan penyelidikan, majalah, makalah dan jemputan ke seminar, persidangan dan/atau mesyuarat yang dianjurkan oleh mereka. Barangan dan perkhidmatan akan hanya diterima sekiranya memberi manfaat kepada pemegang unit dan/atau tabung.

Urus Niaga Perdagangan Silang

Tiada urus niaga perdagangan silang dilaksanakan oleh Pengurus dalam tempoh kewangan bawah kajian.

Urus Niaga Pembiayaan Sekuriti

ASDI tidak terlibat dengan sebarang pinjaman sekuriti atau urus niaga pembelian semula dalam tempoh kewangan bawah kajian.



Perubahan Dibuat kepada Prospektus Tabung

Pengurus telah mengeluarkan prospektus tambahan pertama yang bertarikh 15 Ogos 2023 untuk meminda prospektus utama yang bertarikh 31 Mei 2017. Prospektus ini telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Di antara pindaan-pindaan yang dibuat adalah berhubung prosedur jualan balik unit-unit ASDI dan pelaksanaan tempoh penelitian untuk pelabur yang pertama kali melabur di dalam ASDI. Pindaan-pindaan lain adalah termasuk perubahan ke atas ahli-ahli lembaga pengarah Pengurus, pegawai lantikan yang bertanggungjawab ke atas pelaburan ASDI dan ahli-ahli jawatankuasa Syariah ASDI. Sila rujuk halaman akhir buku Laporan Tahunan ini untuk maklumat terperinci berhubung perubahan-perubahan ke atas Prospektus ASDI. Pindaan-pindaan ini berkuatkuasa pada 15 Ogos 2023.

MAKLUMAN DAN PENGHARGAAN

Pengurus merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua pemegang unit kerana terus mengekalkan pelaburan dalam ASDI. Penghargaan turut diberikan kepada semua pihak yang terus membantu ASDI dalam apa jua bidang sekalipun.

ASDI merupakan pelaburan alternatif dalam bentuk unit amanah berteraskan syariah yang menitikberatkan pulangan yang bersih dan diharuskan oleh syarak. Pelaburan di dalam ASDI adalah terbuka kepada semua Bumiputera seluruh Malaysia selari dengan moto ASDI – Hak Kita – Nikmati Bersama. Pelaburan tambahan dalam ASDI boleh dibuat dengan jumlah pelaburan tambahan minimum serendah 10 unit dan pelaburan tambahan maksimum adalah tertakluk kepada baki unit yang masih boleh dilanggan.

Pengurus akan terus meningkatkan usaha bagi memastikan objektif pelaburan ASDI dapat dicapai dan memberi pulangan yang berpatutan kepada pemegang-pemegang unit, insya-Allah.

Wassalam.

ASDI ~ Hak Kita Nikmati Bersama

Burhanuddin Hilmi bin Mohamed @ Harun

Pengerusi

PTB Unit Trust Berhad

Bertarikh: 20 Dis 2023



►► **PENYATA PENGURUS**

Kami, Burhanuddin Hilmi bin Mohamed@Harun dan Mohamad Azman bin Mustaffa, dua orang daripada pengarah-pengarah PTB Unit Trust Berhad, iaitu Pengurus kepada Amanah Saham Darul Iman ("Tabung Amanah") dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Tabung Amanah pada tahun kewangan berakhir 31 Oktober 2023, berserta dengan nota-nota yang dibentangkan di mukasurat 19 hingga 46 telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards - "MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (International Financial Reporting Standards - "IFRS") dan Garis Panduan Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, telah memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Tabung Amanah pada 31 Oktober 2023, dan hasil dan perubahan dalam nilai aset bersih serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak PTB Unit Trust Berhad selaku Pengurus kepada Tabung Amanah, menurut resolusi pengarah-pengarah bertarikh 20 Disember 2023.

Burhanuddin Hilmi bin Mohamed@Harun

Mohamad Azman bin Mustaffa

Petaling Jaya, Selangor



▶▶ PENYATA JAWATANKUASA SYARIAH

Kepada pemegang-pemegang unit Amanah Saham Darul Iman

Kami, Prof. Dr. Muhamad Rahimi bin Osman dan Abdul Halim bin Awang @ Sulong, dua orang daripada ahli-ahli Jawatankuasa Syariah PTB Unit Trust Berhad, sebagaimana maklumat yang dibentangkan dengan ini mengesahkan bahawa;

- (a) Sepanjang pengetahuan kami, setelah membuat semua pertanyaan yang munasabah, PTB Unit Trust Berhad telah mengendalikan dan menguruskan Amanah Saham Darul Iman ("Tabung Amanah") dalam tahun yang terangkum oleh penyata kewangan ini yang berakhir pada 31 Oktober 2023 mengikut prinsip-prinsip Syariah dan mematuhi garis panduan, peraturan dan keputusan yang terpakai yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SSM") berkaitan dengan hal-hal Syariah; dan
- (b) Aset-aset Tabung Amanah terdiri daripada instrumen-instrumen yang dikelaskan sebagai patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah ("MPS") SSM dan MPS Bank Negara Malaysia kecuali IOI Properties Group Bhd yang mana saham-saham ini telah dikelaskan semula sebagai sekuriti tidak patuh Syariah oleh MPS SSM. Saham-saham yang dikelaskan semula sebagai sekuriti tidak patuh Syariah ini akan dilupuskan mengikut peraturan sebagaimana yang dinyatakan dalam prospektus Tabung Amanah.

Bagi pihak Jawatankuasa Syariah

Prof. Dr. Muhamad Rahimi bin Osman

Abdul Halim bin Awang @ Sulong

Petaling Jaya, Selangor
20 Disember 2023



► **LAPORAN PEMEGANG AMANAH**

Kepada pemegang-pemegang unit Amanah Saham Darul Iman

Kami, selaku Pemegang Amanah kepada Tabung Amanah bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 2023 dengan ini mengesahkan bahawa pada pengetahuan kami, setelah melakukan segala pertanyaan yang munasabah, PTB Unit Trust Berhad telah melaksanakan dan mengurus Tabung Amanah dalam tahun kewangan selaras dengan perkara berikut:

- (a) Had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada syarikat pengurusan mengikut surat ikatan, undang-undang sekuriti dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah;
- (b) Penilaian dan penentuan harga dibuat selaras dengan surat ikatan; dan
- (c) Sebarang penjadian dan pembatalan unit dilaksanakan adalah selaras dengan surat ikatan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan.

Kami juga berpendapat bahawa pengagihan pendapatan oleh Tabung Amanah adalah selaras dengan objektif pelaburan Tabung Amanah.

Untuk dan bagi pihak

CIMB Islamic Trustee Berhad

Datin Ezreen Eliza Zulkiplee

Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia

20 Disember 2023



► LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT AMANAH SAHAM DARUL IMAN

Laporan atas audit penyata kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Amanah Saham Darul Iman (“Tabung Amanah”), yang merangkumi penyata kedudukan kewangan Tabung Amanah pada 31 Oktober 2023, dan penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain, penyata perubahan dalam nilai aset bersih dan penyata aliran tunai Tabung Amanah bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, nota-nota kepada penyata kewangan termasuk rumusan-rumusan dasar-dasar perakaunan penting yang dibentangkan di mukasurat 19 hingga 46.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disertakan memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Tabung Amanah pada 31 Oktober 2023, dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards - “MFRS”) dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (International Financial Reporting Standards - “IFRS”).

Asas pendapat

Kami melaksanakan audit menurut piawaian pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dinyatakan dengan lanjut dalam bahagian *Tanggungjawab juruaudit bagi audit penyata kewangan* dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi mencukupi dan bersesuaian untuk menyediakan asas bagi pendapat kami.

Kebebasan dan tanggungjawab-tanggungjawab etika lain

Kami bebas daripada Tabung Amanah berdasarkan Undang-undang Kecil (mengenai Etika, Perilaku dan Amalan Professional) di bawah Institut Akauntan Malaysia (“Undang-undang Kecil”) dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa bagi Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa) (“Kod IESBA”), dan kami telah memenuhi tanggungjawab-tanggungjawab etika kami yang lain menurut Undang-undang Kecil dan Kod IESBA

Maklumat selain daripada penyata kewangan dan laporan juruaudit

Pengurus bertanggungjawab ke atas maklumat yang lain. Maklumat yang lain terdiri daripada Laporan Pengurus, Penyata Jawatankuasa Syariah,



Laporan Pemegang Amanah dan Laporan Tahunan, tetapi tidak termasuk penyata kewangan Tabung Amanah dan laporan juruaudit kami.

Laporan Tahunan dijangka tersedia kepada kami selepas tarikh laporan juruaudit ini.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan Tabung Amanah tidak meliputi maklumat yang lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan kesimpulan dan seterusnya.

Berkenaan dengan audit kami terhadap penyata kewangan Tabung Amanah, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat lain dan, dengan berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada maklumat lain itu ialah tidak konsisten dengan penyata kewangan Tabung Amanah atau pengetahuan yang diperoleh dalam audit atau sebaliknya, kelihatan salah nyata yang ketara.

Sekiranya, berdasarkan kerja yang telah kami laksanakan berkaitan maklumat lain yang kami perolehi sebelum tarikh laporan juruaudit ini, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang ketara mengenai maklumat lain ini, kami perlu melaporkan faktanya. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan mengenai Laporan Pengurus, Penyata Jawatankuasa Syariah dan Laporan Pemegang Amanah.

Apabila kami membaca laporan tahunan, sekiranya kami mendapati terdapat salah nyata yang ketara di dalamnya, kami perlu menyampaikan perkara itu kepada yang berkaitan dengan tadbir urus dan melaporkan fakta-fakta tersebut mengikut kesesuaian.

Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah terhadap penyata kewangan

Pengurus bertanggungjawab dalam penyediaan penyata kewangan Tabung Amanah yang memberi gambaran yang benar dan saksama berdasarkan MFRS dan IFRS. Pengurus juga bertanggungjawab ke atas kawalan dalaman sedemikian sebagaimana yang ditentukan oleh Pengurus bagi memastikan penyediaan penyata kewangan Tabung Amanah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam penyediaan penyata kewangan Tabung Amanah, Pengurus bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Tabung Amanah untuk meneruskan atas dasar usaha berterusan, mendedahkan, yang mana berkenaan, perkara-perkara berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan para pengarah berhasrat untuk membubarkan Tabung Amanah atau untuk menghentikan operasi, atau tidak mempunyai pilihan yang realistik selain berbuat demikian.



Pemegang Amanah bertanggungjawab untuk memastikan Pengurus menyimpan rekod-rekod perakaunan dan lain-lain yang sepatutnya supaya pembentangan penyata kewangan benar dan saksama.

Tanggungjawab juruaudit bagi audit penyata kewangan

Matlamat kami adalah untuk mendapatkan jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Tabung Amanah secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang mengandungi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah jaminan tahap tinggi, tetapi bukannya jaminan bahawa suatu audit yang dijalankan menurut piawaian pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila wujud. Salah nyata boleh berlaku daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara, sekiranya secara individu atau secara agregat, ia semunasabahnya dijangka boleh mempengaruhi keputusan ekonomi para pengguna yang diambil berdasarkan dasar penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit yang memenuhi piawaian pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang audit ini. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko-risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Tabung Amanah, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, membentuk dan melaksanakan prosedur-prosedur audit yang responsif terhadap risiko-risiko berkenaan, dan memperoleh bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk menyediakan asas bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada salah nyata akibat daripada kesilapan, memandangkan penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, tertinggalan secara sengaja, pemberian gambaran yang salah atau melangkaui kawalan dalaman;
- Mendapat persefahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan membentuk prosedur-prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Tabung Amanah;
- Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kewajaran anggaran perakaunan dan pendedahan-pendedahan berkaitan yang dibentangkan oleh Pengurus;



- Membuat kesimpulan atas kewajaran penggunaan usaha berterusan perakaunan oleh Pengurus dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujud ketidakpastian yang ketara berkaitan dengan peristiwa-peristiwa atau keadaan-keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang ketara terhadap keupayaan Tabung Amanah untuk diteruskan berdasarkan usaha berterusan. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian yang ketara wujud, kami perlu menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami dan pendedahan-pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Tabung Amanah atau, sekiranya pendedahan-pendedahan tersebut tidak mencukupi, kami perlu mengubahsuaikan pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa-peristiwa atau keadaan-keadaan pada masa hadapan boleh menyebabkan Tabung Amanah berhenti diteruskan sebagai usaha berterusan; dan
- Menilai persembahan, struktur dan kandungan penyata kewangan Tabung Amanah secara keseluruhan, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan Tabung Amanah mewakili urusanniaga-urusanniaga dan peristiwa-peristiwa asas yang mencapai pendedahan saksama.

Kami berkomunikasi dengan Pengurus berkaitan dengan, antara lain, ruang lingkup dan masa pengauditan yang dirancang selain penemuan-penemuan audit yang penting, termasuk apa-apa kelemahan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa menjalankan audit kami.

Perkara lain

Laporan ini disediakan hanya untuk pemegang-pemegang unit Tabung Amanah, sebagai sebuah badan, mematuhi Garis Panduan Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain atas kandungan laporan ini.

Ernst & Young PLT
202006000003 (LLP0022760-LCA) & AF 0039
Akauntan-akauntan Bertauliah

Muhammad Syarizal bin Abdul Rahim
No. 03157/01/2025 J
Akauntan Bertauliah

Petaling Jaya, Selangor
20 Disember 2023

►► PENYATA KEWANGAN

Penyata kedudukan kewangan pada 31 Oktober 2023

	Nota	2023 RM	2022 RM
Aset			
Pelaburan pada nilai saksama melalui untung rugi ("FVTPL")	4	83,556,326	87,913,960
Terhutang daripada lain-lain institusi kewangan dan syarikat broker saham		5,175,055	-
Dividen belum diterima		4,113	4,112
Keuntungan daripada deposit dengan institusi-institusi kewangan belum diterima		14,889	10,332
Deposit dengan institusi-institusi kewangan	5	26,118,706	20,433,861
Tunai di bank		2,921	104,679
Jumlah aset		<u>114,872,010</u>	<u>108,466,944</u>
Liabiliti			
Terhutang kepada lain-lain institusi kewangan dan syarikat broker saham		191,988	-
Terhutang kepada Pengurus	6	146,308	185,735
Terhutang kepada Pemegang Amanah		8,778	8,109
Peruntukan pengagihan pendapatan	17	2,440,355	5,363,006
Lain-lain pemiutang		21,500	21,500
Jumlah liabiliti		<u>2,808,929</u>	<u>5,578,350</u>
Jumlah nilai aset bersih		<u>112,063,081</u>	<u>102,888,594</u>
Nilai aset bersih untuk pengagihan kepada pemegang unit			
Modal pemegang unit	7	449,737,606	449,634,435
Kerugian terkumpul	9	(337,674,525)	(346,745,841)
Jumlah nilai aset bersih untuk pengagihan kepada pemegang unit		<u>112,063,081</u>	<u>102,888,594</u>
Bilangan unit dalam pengedaran	7	<u>488,071,000</u>	<u>487,546,000</u>
Nilai aset bersih seunit, selepas pengagihan (RM)	10	<u>0.2296</u>	<u>0.2110</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.



» PENYATA KEWANGAN

Penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 2023

	Nota	2023 RM	2022 RM
Pendapatan			
Penerimaan dividen daripada pelaburan pada FVTPL		5,117,333	4,308,634
(Kerugian)/keuntungan daripada jualan pelaburan pada FVTPL		(903,637)	2,800,188
Keuntungan daripada deposit dengan institusi			
-institusi kewangan		415,582	299,638
Lain-lain pendapatan		200	134
Keuntungan/(kerugian) belum direalisasikan daripada perbezaan nilai saksama pelaburan pada FVTPL		8,844,418	(14,148,878)
Jumlah pendapatan/(kerugian) kasar		13,473,896	(6,740,284)
Perbelanjaan			
Yuran pengurus	11	(1,647,668)	(1,653,434)
Yuran pemegang amanah	12	(98,860)	(99,206)
Yuran pembrokeran		(45,478)	(70,604)
Ganjaran juruaudit		(21,500)	(21,500)
Perbelanjaan pentadbiran		(148,719)	(177,630)
Jumlah perbelanjaan		(1,962,225)	(2,022,374)
Keuntungan/(kerugian) bersih sebelum cukai		11,511,671	(8,762,658)
Cukai	13	-	-
Jumlah pendapatan/(kerugian) komprehensif untuk tahun kewangan		11,511,671	(8,762,658)
Pengagihan pendapatan	17	2,440,355	5,363,006
Pengagihan kasar dan bersih seunit (sen)	17	0.50	1.10
Tarikh pengagihan		20 Disember 2023	20 Disember 2022
Jumlah pendapatan/(kerugian) komprehensif untuk tahun kewangan terdiri daripada berikut:			
Direalisasikan		2,667,253	5,386,220
Belum direalisasikan		8,844,418	(14,148,878)
		11,511,671	(8,762,658)

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.



►► PENYATA KEWANGAN

Penyata perubahan dalam nilai aset bersih bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 2023

	Nota	Modal pemegang unit RM	Kerugian terkumpul RM	Jumlah RM
Pada 1 November 2021		449,619,263	(332,620,177)	116,999,086
Penjadian unit	7	352,871	-	352,871
Pembatalan unit	7	(337,699)	-	(337,699)
Jumlah kerugian komprehensif untuk tahun kewangan	9	-	(8,762,658)	(8,762,658)
Pengagihan pendapatan	17	-	(5,363,006)	(5,363,006)
Pada 31 Oktober 2022		<u>449,634,435</u>	<u>(346,745,841)</u>	<u>102,888,594</u>
Pada 1 November 2022		449,634,435	(346,745,841)	102,888,594
Penjadian unit	7	403,035	-	403,035
Pembatalan unit	7	(299,864)	-	(299,864)
Jumlah keuntungan komprehensif untuk tahun kewangan	9	-	11,511,671	11,511,671
Pengagihan pendapatan	17	-	(2,440,355)	(2,440,355)
Pada 31 Oktober 2023		<u>449,737,606</u>	<u>(337,674,525)</u>	<u>112,063,081</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.



» PENYATA KEWANGAN

Penyata aliran tunai
bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 2023

	2023	2022
	RM	RM
Aliran tunai daripada aktiviti operasi dan pelaburan		
Bayaran bagi pembelian sekuriti ekuiti	(18,319,626)	(29,007,465)
Bayaran ganjaran juruaudit	(21,500)	(21,500)
Bayaran belanja pentadbiran	(121,320)	(127,685)
Bayaran kepada Pemegang Amanah	(98,191)	(100,354)
Bayaran kepada Pengurus	(1,636,518)	(1,672,561)
Penerimaan daripada pelbagai pendapatan	200	134
Penerimaan daripada penjualan sekuriti ekuiti	25,558,581	30,259,376
Penerimaan dividen daripada pelaburan pada FVTPL	5,117,332	4,306,665
Penerimaan keuntungan daripada deposit dengan institusi-institusi kewangan	411,025	289,306
Tunai bersih dijanakan daripada aktiviti operasi dan pelaburan	10,889,983	3,925,916
Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan		
Bayaran bagi pembatalan unit	(346,925)	(290,638)
Bayaran pengagihan pendapatan	(5,363,006)	(4,874,770)
Penerimaan daripada penjadian unit	403,035	352,871
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	(5,306,896)	(4,812,537)
Pertambahan/(pengurangan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	5,583,087	(886,621)
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun kewangan	20,538,540	21,425,161
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun kewangan	26,121,627	20,538,540
Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:		
Deposit dengan institusi-institusi kewangan (Nota 5)	26,118,706	20,433,861
Tunai di bank	2,921	104,679
	26,121,627	20,538,540

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.



► NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Nota-nota berkenaan penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 2023

1. Tabung Amanah, Pengurus dan kegiatan-kegiatan utama

Amanah Saham Darul Iman (berikutnya dirujuk sebagai “Tabung Amanah”) ditubuhkan selaras dengan pelaksanaan suatu Surat Ikatan bertarikh 24 Oktober 1994 dan beberapa Surat Ikatan Tambahan di antara Pengurus (PTB Unit Trust Berhad (“PUTB”)), Pemegang Amanah (CIMB Islamic Trustee Berhad) serta pemegang-pemegang unit.

Kegiatan utama Tabung Amanah ialah melabur dalam “Pelaburan Dibenarkan” seperti yang dijelaskan di bawah Fasal 1 Surat Ikatan. “Pelaburan Dibenarkan” termasuk pelaburan jangka pendek, stok dan saham atau debentur syarikat yang tersiarharga di mana-mana Bursa Saham yang diiktiraf atau mana-mana saham syarikat tak tersiarharga yang disyorkan oleh Pengurus dan dipersetujui oleh Pemegang Amanah dengan syarat pada setiap masa, kesemua pelaburan tersebut mengikut ketetapan Syariah. Tabung Amanah ini mula beroperasi pada 31 Oktober 1994 dan akan diteruskan sehingga ditamatkan oleh Pemegang Amanah seperti yang diperuntukkan di bawah Fasal 30 Surat Ikatan.

